

Kumpulan nasyid USIM raih tiga anugerah emas

SEREMBAN 24 Dis. - Kumpulan nasyid Interacksee Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraih tiga anugerah emas bagi kategori persembahan, lirik dan busana serta tatarias terbaik sempena penganjuran Festival Filem Nasyid di Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2013 di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Kejayaan itu turut menyaksikan kumpulan nasyid dari USIM itu muncul sebagai naib johan sekali gus membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000 serta piala iringan.

Bagaimanapun, Universiti Putra Malaysia (UPM) selaku tuan rumah dinobatkan sebagai johan, manakala Universiti Malaya pula menduduki tempat ketiga.

Dalam pertandingan itu, Interacksee tampil mempersembahkan lagu bertajuk *Gelora Muara Jiwa* berentak kontemporari nasyid moden hasil penulisan lirik oleh pelajar alumni USIM, Shukri Sahari.

Menurut Shukri yang juga Urus Setia Kesenian Pelajar, Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, kejayaan itu melakarkan sejarah membanggakan kerana kumpulan nasyid USIM yang boleh dianggap 'setahun jagung' ini telah mampu bersaing dengan universiti yang sudah menempa nama di peringkat kebangsaan seperti UPM dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Tambah pula bukan mudah meraih kejayaan apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya atas faktor



KUMPULAN nasyid Interacksee USIM meralkan kejayaan meraih tiga anugerah emas dalam Festival Filem Nasyid di Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia 2013 di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

kesuntukan masa yang mereka hadapi dalam mempersiapkan diri untuk pertandingan tersebut.

"Irama nasyid sekarang dipandang sepi dan tidak serancam nasyid zaman kum-

pulan Raihan dan Rabbani, oleh kerana itu kita seharusnya berani mencari formula baharu untuk menjadikan nasyid ini kembali bernadi di hati masyarakat," katanya di sini baru-baru ini.

Tambahnya yang kini turut giat menghasilkan lirik baharu, kejayaan itu akan menjadi penanda aras bagi kumpulan itu untuk mencipta lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

"Kami akan cuba untuk memperbaiki sekiranya ada kelemahan selain memberikan komitmen yang terbaik ke arah menaikkan kumpulan nasyid USIM ini," katanya.